

KUMPULAN WANG AMAL JARIAH

Bersedekah adalah suatu amalan yang sangat mulia di sisi Islam.

Hukum asas bersedekah adalah Sunat, tetapi hukumnya boleh berubah dengan hukum yang lain mengikut faktor-faktor tertentu.

Maka hukum bersedekah itu boleh menjadi Haram sekiranya pemberi sedekah mengetahui dengan yakin bahawa penerima sedekah itu akan menggunakan wang sedekahnya untuk perkara maksiat.

Hukum bersedekah juga boleh menjadi Wajib sekiranya pada ketika itu penerima sedekah dalam keadaan yang sangat terdesak dan pemberi sedekah itu pula mempunyai harta yang lebih daripada yang dihajatkan, maka bersedekah ketika ini hukumnya adalah Wajib demi untuk menyelamatkan nyawa penerima sedekah itu tadi.

Seperti mana, tidak diharuskan bersedekah bagi orang yang tidak mempunyai harta selain untuk menunaikan keperluan hajat orang di bawah tanggungannya.

Seperti itu juga, tidak Harus seseorang itu bersedekah dengan harta yang akan digunakan untuk membayar hutang melainkan orang ini yakin dapat menyelesaikan hutangnya daripada sumber lain, maka ketika itu dusunatkan baginya bersedekah.

KEAJAIBAN SEDEKAH

Amalan bersedekah sangat indah digambarkan oleh Allah ﷻ melalui firmanNya:

Maksudnya:

“Perumpamaan orang yang menginfakkan hartanya di jalan Allah adalah seperti sebutir biji yang menumbuhkan tujuh tangkai, pada setiap tangkai ada seratus biji. Allah melipatgandakan (pahala) bagi siapa yang Dia kehendaki, dan Allah Maha Luas (karunia-Nya) lagi Maha mengetahui”

(Al-Baqarah:261)

Ayat ini menerangkan kepada kita bahawa melalui amalan bersedekah dapat menyuburkan rezeki, bersesuaian dengan maksud Firman Allah ﷻ dalam surah Al-Baqarah: 276 : “Allah memusnahkan riba dan menyuburkan sedekah..”

Bukan setakat itu, bahkan bersedekah juga dapat menghapuskan dosa. Nabi s.a.w bersabda yang bermaksud: *"Sedekah dapat menghapus dosa sebagaimana air memadamkan api"*

(Hadis Riwayat Imam Tirmizi)

Bersedekah dapat memadamkan kemarahan Allah ﷻ dan menolak mati dalam keadaan buruk. Dari Anas, ia berkata : Rasulullah ﷺ bersabda: *"Sesungguhnya sedekah itu memadamkan kemarahan Tuhan dan mencegah kematian yang buruk "*

(HR Thabrani)

Dengan bersedekah dapat menyembuhkan penyakit. Setiap penyakit ada ubatnya. Jika penyakit tidak sembuh juga, walaupun sudah berikhtiar berubat ke mana-mana dan dengan berbagai macam ubat, maka kemungkinan ubat penyembuh belum ditemui.

Secara umum, dalam mengubati penyakit ada dua cara, iaitu ikhtiar dan doa. Namun belum banyak yang menyedari bahawa salah satu ubat sangat mujarab bagi sesuatu penyakit adalah sedekah, Nabi Muhammad ﷺ bersabda: *"Ubatilah orang-orang yang sakit di kalangan kamu dengan bersedekah"*

(HR Baihaqi)

Dengan bersedekah dapat menolak bala. Nabi Muhammad ﷺ bersabda: *"Bersegeralah bersedekah kerana bala bencana tidak akan menyudahi sedekah"*

(HR Thabrani)

Amalan bersedekah juga akan menjadi naungan untuk kita di pada mahsyar. Sebagaimana sabda Nabi Muhammad ﷺ : *"Sesungguhnya naungan seorang mukmin pada hari kiamat adalah sedekahnya."*

(HR Thabrani)

Terdapat banyak fadhilat dan kelebihan bersedekah, Islam menggalakkan umatnya bersedekah agar nikmat harta yang dianugerahkan dapat dikongsi bersama, seterusnya dapat menanam perasaan kasih sayang dan belas kasihan terhadap golongan yang memerlukan.

KEDUDUKAN PBNS DALAM PENGURUSAN WANG SEDEKAH DI NEGERI SABAH

PBNS adalah sebuah entiti Islam di negeri Sabah yang berbidang kuasa dalam mentadbir wang sedekah. Ianya diperuntukkan melalui Enakmen Perbadanan Baitulmal 1988, Seksyen 21 (1),(a) dengan jelas menyatakan : "Satu kumpulan wang yang dinamakan "Kumpulan Wang Amal Jariah" hendaklah juga diadakan untuk mengutip dan mengumpul wang dari masyarakat Islam Negeri ini sebagai sedekah bulanan untuk kegunaan Agama Islam dan kebajikan orang-orang Islam".

Atas maksud yang sangat besar ini, PBNS menggalakkan semua Penjawat Awam kerajaan negeri , persekutuan dan swasta di negeri Sabah khususnya agar membuat sumbangan sedekah secara bulanan melalui potongan gaji kepada PBNS.

Konsep yang dipraktikkan ini adalah berasaskan kepada Firman Allah ﷻ :

Maksudnya:

"Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya"

(al-Mâidah /5:2)

PBNS selaku pentadbir Wang Sedekah, akan menyalurkan semua sumbangan yang diterima melalui skim-skim bantuan yang disediakan dan agihan sumbangan ini hanya dikhususkan dalam negeri Sabah.

Dengan membuat sumbangan melalui potongan gaji, penyumbang dapat bersedekah secara konsisten / istiqomah. Nabi Muhammad ﷺ bersabda :

"Tidak satu hari pun di mana pada setiap pagi seorang hamba itu melainkan dua Malaikat turun kepadanya, salah satu di antara keduanya berdoa: 'Ya Allah, berikanlah ganti (ganjaran pahala) bagi orang yang berinfak (bersedekah)."

(HR Bukhari dan Muslim)